

12 NOV 2000

Ong-Indah

PBT PERLU USAHA LEBIH UNTUK PENGINDAHAN DAN LANSKAP

SIBU, 12 Nov (Bernama) -- Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting hari ini mengesa pihak berkuasa tempatan (PBT) melaksanakan lebih banyak projek pengindahan dan lanskap di kawasan pentadbiran masing-masing.

Menurutnya ia selaras dengan wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan negara ini negara taman menjelang 2005.

Ketika berucap selepas menghadiri taklimat dan persembahan video mengenai pelbagai projek pembangunan Majlis Perbandaran Sibu (MPS) di sini, beliau berkata PBT patut berusaha menjadikan bandar mereka sebagai bandar raya taman.

Pada masa yang sama, negeri-negeri juga melakukannya bagi menjadikannya sebagai negeri taman, katanya.

Mengenai usaha oleh Majlis Perbandaran Sibu dan Miri untuk memperolehi status bandar raya dalam masa lima tahun, Ong berkata persiapan yang sedang dijalankan oleh PBT perlu diteruskan.

Sibu berhasrat untuk mencapai status bandar raya taman manakala Miri pula sebagai bandar raya resort.

Ong bagaimanapun berkata kerajaan persekutuan sudah mengetatkan kriteria bagi bandar-bandar untuk diisytihar sebagai bandar raya.

Beliau juga mencadangkan supaya setiap bandar mewujudkan tema berbeza atau imej mereka yang tersendiri untuk membezakan mereka dengan bandar lain.

Pada majlis itu beliau mengumumkan peruntukan kementerian sebanyak RM1 juta bagi projek pengindahan dan lanskap.

Dalam ucapannya, pengerusi MPS Robert Lau Hoi Chiew berkata majlis berkenaan bercadang mewujudkan sebuah taman tasik berharga kira-kira RM27 juta sebagai sebahagian daripada usaha pengindahan bandar serta matlamat untuk menjadi sebuah bandar raya.

Beliau berkata projek itu membabitkan kawasan seluas 51 hektar, sebahagian besarnya membabitkan kawasan paya gambut dekat hospital besar yang antara lain akan mengetengahkan habitat semulajadi paya gambut termasuk santuari burung.

-- BERNAMA

ESS LAT